



**BAHAGIAN PENGURUSAN
HOSPITAL SULTAN ABDUL HALIM
JALAN LENCONGAN TIMUR
BANDAR AMANJAYA
08000 SUNGAI PETANI**



KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN** yang masih sah tempohnya di bawah Kod Bidang : **040103** dan **221506** yang berdaftar atau mempunyai cawangan di **Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman** bagi menyertai sebut harga berikut:

Tajuk Tawaran	No. Sebut Harga	Kod Bidang	Tarikh Tutup Sebut Harga
Tawaran Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Mengurus Kafeteria dan Menyediakan Makanan Bermasak Islam di Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah Darul Aman.	PP: 45/17 Nasi Ayam, Nasi Tomato, Mi/Bihun Sup, Mi Kari, Mi Rebus dan Laksa PP: 46/17 Kuih-Muih dan Roti Canai PP: 47/17 Ala-Carte & Western Food	040103 (Makanan Bermasak Islam) 221506 (Menyewa Ruang Niaga)	15 Oktober 2017 (Ahad) Jam: 12.00 tengahari

Dokumen sebut harga boleh diperolehi mulai tarikh **1 Oktober 2017** di **Bahagian Pengurusan, Hospital Sultan Abdul Halim, Bandar Amanjaya, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**. Penyebutharga atau wakilnya yang sah sahaja boleh mendapatkan dokumen sebut harga dan seterusnya memasuki tawaran sebut harga ini. Setiap penyebutharga atau wakil dihadkan untuk mengambil satu (1) dokumen sebut harga dan tidak dibenarkan mewakili syarikat-syarikat lain.

Dokumen akan dijual kepada penyebutharga yang sah sahaja. Syarikat yang ingin mengambil dokumen sebut harga tersebut **DIWAJIBKAN** membawa **SALINAN PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** (salinan sijil tersebut tidak akan dikembalikan) di bawah **Kod Bidang 040103 dan 221506**.

Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah kiri atas sampul, nombor sebut harga dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat berikut:

**Bahagian Pengurusan
Hospital Sultan Abdul Halim
Bandar Amanjaya
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman
(☎ 04-445 7333)**

Dokumen tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup, tidak akan diterima dan ditolak.

Tarikh Iklan: 1.10.2017